

'Dr M hadir Kongres Maruah Melayu burukkan hubungan kaum'

Malaysiakini

28 September 2019

Kehadiran Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad di Kongres Maruah Melayu yang dijadual berlangsung Oktober ini boleh memburukkan hubungan antara kaum di negara ini, kata MCA.

Naib presidennya Ti Lian Ker mempersoalkan sama ada Pakatan Harapan (PH) ingin memainkan isu perkauman di saat PAS dan Umno "bercakap tentang mempertahankan semangat dan matlamat Perlembagaan Persekutuan".

"Ironi apabila PAS dan Umno kini bercakap tentang Muafakat Nasional tanpa menjejaskan kedudukan dan hak etnik dan agama lain tetapi kerajaan PH dan pemimpin Bersatu mempromosikan melayu fobia yang diselindungi sebagai 'martabat Melayu' di universiti awam," katanya dalam kenyataan.

Ti turut menggesa DAP agar 'menasihatkan' Mahathir tentang perkara itu.

"Kehadiran perdana menteri ke kongres untuk membincangkan 'maruah Melayu'

membawa kembali ke era Ketuanan Melayu, yang mana dibantah habis-habisan oleh DAP pada masa dulu.

"Adalah ironi untuk melihat mereka kekal membisu mengenai perkara ini.

"Kehadiran pemimpin tertinggi mereka (PH) memburukkan lagi ketegangan dan mencetuskan rasa tidak selesa kepada masyarakat berbilang kaum," katanya lagi.

Ti berkata Mahathir perlu diingatkan bahawa beliau bukan sekada pemimpin orang Melayu tetapi perdana menteri untuk semua warga Malaysia, justeru sepatutnya "mencadang, menggalak dan menyokong satu kongres perpaduan dan maruah seluruh rakyat Malaysia".

Kongres Maruah Melayu dijadual berlangsung di Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada 6 Oktober ini dan akan membincangkan permasalahan orang Melayu melibatkan aspek pendidikan, agama, budaya, politik dan ekonomi.

Penganjurnya, Pusat Kecemerlangan Melayu Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya mengesahkan Mahathir akan hadir dan menyampaikan "amanatnya".

Bagaimanapun, pengarah pusat itu Hashim Ismail berkata beliau akan hadir

bukan sebagai perdana menteri tetapi sebagai seorang pemimpin Melayu.

Kongres itu juga dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM),
Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/493628>